



SIARAN MEDIA

PERAK PENGELUAR IKAN AIR TAWAR TERBESAR NEGARA

LENGGONG, 7 Okt. – Negeri Perak diiktiraf sebagai **penyumbang terbesar pengeluaran ikan air tawar Negara** iaitu hampir 40 ribu tan metrik bernilai RM275 juta setahun di Malaysia.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, pengeluaran ikan air tawar Negara pada tahun 2016 adalah sebanyak 103 ribu tan metrik bernilai RM 789 juta di mana Perak sahaja mencatatkan nilai sumbangan hampir **RM275 juta iaitu 35%** dari keseluruhan nilai pengeluaran ikan air tawar. Peningkatan pengeluaran ikan air tawar berbanding tahun-tahun sebelum ini adalah hasil sokongan pihak Kerajaan kepada penternak ikan dan juga nelayan dalam memastikan kelangsungan bekalan ikan melalui insentif-insentif yang diberikan kepada kumpulan sasaran ini.

Selain itu juga, statistik Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menunjukkan bahawa Perak turut mencatatkan **pendaratan ikan laut tertinggi** di Malaysia, iaitu sebanyak 370,000 metrik ikan bernilai **RM2.2 bilion** pada tahun 2016, atau **23%** daripada keseluruhan pendaratan ikan negara. Peningkatan pengeluaran perikanan juga disokong melalui aktiviti perikanan darat di mana sebanyak 850 tan metrik ikan sungai bernilai RM 12.7 juta pada tahun 2016 telah berjaya didaratkan dan sebanyak 2.26 juta ekor benih ikan telah dilepaskan di perairan sungai dan tasik di seluruh negeri.

Shabery berkata, peningkatan pendaratan ikan khususnya ikan air tawar adalah dengan usaha Kerajaan membina kemudahan pendaratan ikan di kawasan-kawasan utama penempatan nelayan darat seperti di Kuala Kangsar dan Perak Tengah. Selain bagi tujuan pendaratan ikan, kemudahan jeti tersebut juga digunakan oleh penternak ikan di kawasan berhampiran untuk memudahkan mereka memasarkan hasil tuaian. Seramai **8,586 orang nelayan** tempatan di seluruh negeri Perak mendapat manfaat hasil daripada program pengurusan sumber perikanan yang mapan ini, jelas Shabery lagi.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Fiesta Ikan Sungei Lenggong 2017 di Dataran Tasik Raban di sini hari ini. Turut hadir Datuk Saarani Mohamad, Exco Pertanian Perak, Datuk Shamsul Anuar Nasarah, Ahli Parlimen Lenggong dan Datuk Munir Mohd Nawi, Ketua Pengarah Perikanan.

Shabery berkata, Fiesta Ikan Sungei Lenggong 2017 ini julung kali diadakan dalam usaha Kerajaan mempromosi ikan air tawar yang menjadi sumber protein penting sebagai hidangan utama masakan selain daripada ikan laut dan haiwan ternakan lain kepada masyarakat setempat. Ianya dapat meningkatkan lagi **kesedaran masyarakat untuk menerima ikan airtawar** sebagai pilihan utama sumber protein yang masih murah dan '*reliable*' berbanding sumber protein lain. Sejak dari zaman dahulu lagi masyarakat di Negara ini sangat gemar memakan ikan air tawar terutama ikan-ikan asli yang terdapat di sungai dan tasik seperti ikan jelawat, temoleh, tenggalan, patin, baung dan sebagainya yang terus menjadi pilihan walau pun harganya agak tinggi, jelas Shabery lagi.

Dalam perkembangan lain, Shabery berkata, penubuhan **Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzudin Shah, Lumut** melalui kerjasama strategik antara pihak Kementerian, institusi pengajian tinggi tempatan dan juga syarikat swasta dapat memantapkan lagi usaha dalam melahirkan tenaga mahir tempatan dan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada kru asing. Pihak Kementerian menjangkakan seramai **2,000 graduan dengan kemahiran teknikal** dalam sektor perikanan yang dapat mengisi kekosongan dalam pelbagai pasaran kerja tempatan seperti industri perikanan laut dalam, pembaikan kapal, akuakultur, pemprosesan produk makanan dan sebagainya.

###

Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

Unit Komunikasi Korporat

Ibu Pejabat Perikanan

Putrajaya.

No. Tel : 03 – 8870 4234

No. Faks : 03 – 8881 0343

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my